



MAJLIS PERBANDARAN KULAI

IKLAN JAWATAN KOSONG

- RUJUKAN FAIL** : **MPKu. JKP. 500 - 3/1 Jld.4**
- JAWATAN DAN SKIM PERKHIDMATAN** : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR**
- GRED JAWATAN** : **N29**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
- JADUAL GAJI** : **RM 1,493.00 - RM 5,672.00**
- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM 1,493.00); atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM 1,493.00); atau

- iii. diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM 1,770.95).

- iv. sijil dalam bidang teknologi maklumat, prosesan data atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29 : RM1,549.00); atau

- v. diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29 : RM1,855.00); atau

**SYARAT KELAYAKAN 2.
BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT 3.
PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh

Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
- ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Had umur pelantikan :
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN 5.

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	8.	<p>Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memenuhi tempoh percubaan; ii. hadir dengan jayanya Program Transformasi minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan iii. diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	9.	<p>Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang ditetapkan; dan</p>
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	10.	<p>Pegawai hendaklah memenuhi kopetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat</p>
TARAF JAWATAN	11.	TETAP / KONTRAK
TARIKH TUTUP PERMOHONAN	12.	17 OKTOBER 2022